

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Keistimewaan untuk pemilik | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 24 Sep 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 27 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 396 cm ² |
| Journalist | kota@utusangroup.com.my | AdValue | RM 7,898 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,694 |



PKB tawar pelbagai perkhidmatan bagi penduduk selesai masalah Keistimewaan untuk pemilik

Oleh SITI AINIZA KAMSARI

kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 23 Sept. - Penghapusan duti setem bagi menukar nama geran hak milik tanah dengan bayaran nominal hanya sebanyak RM1,000, melupuskan cukai-cukai tanah tertangguh antara pelbagai keistimewaan perkhidmatan yang ditawarkan kepada penduduk Kampung Baru oleh Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB).

Selain itu, PKB turut menawarkan khidmat untuk menyelesaikan masalah pusaka dan faraid dalam tempoh empat bulan sehingga membantu membayai hutang tanah yang tercagar di bank kepada pemilik harta tanah terlibat.

Semua ini bagi mempercepatkan lagi proses pembangunan dan memajukan Kampung Baru yang agak terhalang disebabkan oleh hampir 50 peratus daripada pemegang dan pemilik 1,381 lot tanah di Kampung Baru masih lagi bermasalah mengenai status tanah masing-masing.

Timbalan Pengerusi Perbadanan PKB, Datuk Seri Matshah Safuan berkata, lazimnya apa juga urusan melibatkan soal pertukaran dan pemilikan geran tanah memerlukan duti setem atau kos guaman yang tinggi, antara RM30,000 dan RM40,000 tetapi kini apa juga urusan dapat diatasi dengan mudah jika penduduk merujuk masalah tersebut kepada PKB.

"Ini kerana masih lagi ada dalam kalangan penduduk Kampung Baru yang menuduh PKB berperanan untuk menjual tanah-tanah milik orang Melayu di Kampung Baru ini sedangkan agensi inilah satu-satunya yang berperanan bagi memastikan tidak ada sebidang pun tanah orang Melayu ini akan tergadai atau terlepas ke tangan pihak asing.

"Berbanding sebelum ini telah ditubuhkan pelbagai entiti syarikat

kumpulan sehingga kepada penubuhan konsortium yang kononnya bagi memajukan Kampung Baru tetapi didapati bertujuan untuk 'menjual' Kampung Baru. Sedangkan PKB berperanan bagi memastikan kampung ini tetap milik orang Melayu walaupun bakal dimajukan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Sesi Taklimat Pembangunan Hartanah kepada hampir 200 orang pemilik dan pewaris tanah di

Kampung Masjid, Kampung Baru yang diadakan di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru baru-baru ini.

Taklimat yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Nahrudin Abdullah itu turut dihadiri Pengerusi PKB, Datuk Astaman Abdul Aziz.

Matshah berkata, kini penduduk Kampung Baru diminta supaya memberikan tindak balas positif terhadap draf Pelan Induk Pembangunan yang telah pun siap bagi menjayakan sesi pendengaran awam sebelum pelbagai pindaan dilaksanakan dan selesai pada April 2014.

"Walaupun ditimbulkan pelbagai isu oleh penduduk pada hari ini, namun pada hakikatnya rata-rata mahu kan supaya tanah masing-masing dimajukan, hanya kita masih terhalang oleh soal status pemilikan tanah, masalah penyewaan tanah dan harta tanah rumah dan sebagainya kepada penyewa, malah ada yang ingin membangunkan sendiri tanah masing-masing, malah tidak kurang menunggu masa 'terbaik' untuk menjual tanah masing-masing," katanya.

Sedangkan katanya pembangunan

Kampung Baru ini merupakan satu agenda besar bagi memperkasa ekonomi bumiputera itu sendiri jika mereka mengkaji dan memahami sepenuhnya bahawa kampung itu akan dimajukan secara berkelompok dan pemilik tanah sekarang tetap menjadi rakan kongsi niaga.

"Kita bukan bercakap soal tanah yang menjadi hak milik kerajaan atau setinggan yang hanya perlu dibayar pampasan sebanyak RM25,000 dan kemudiannya penghuni diminta keluar.

"Kita bercakap soal tanah yang ada pemilik yang hak, jadi wajib kita majukan dengan memberikan pulangan berfaedah berpanjangan kepada pemiliknya.


"Jika dibangunkan mereka bukan sahaja mempunyai aset tetap atau menyewakan aset-aset niaga kepada para pelabur tetapi setiap bulan mereka bakal beroleh pendapatan sehingga RM10,000 yang mengikut nilai hari ini," kata Matshah.

Tambah beliau, rata-rata penduduk Kampung Baru mempunyai saiz tanah yang agak kecil iaitu antara 600 kaki persegi hingga 1,200 kaki persegi yang menyukarkan mereka untuk membangunkan harta tanah tersebut dengan binaan melebihi 10 tingkat.

"Dalam masa yang sama, PKB kini dalam usaha untuk mendapatkan seberapa banyak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan lain-lain yang tidak mempunyai rekod buruk untuk memaju dan membangunkan Kampung Baru.

"Pada dasarnya mereka sangat berminat. Tinggal lagi mereka hendak tahu di mana bahagian kawasan Kampung Baru yang boleh mereka bantu untuk majukan," katanya.

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Keistimewaan untuk pemilik | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 24 Sep 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 27 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 396 cm ² |
| Journalist | kota@utusangroup.com.my | AdValue | RM 7,898 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,694 |



ASTAMAN Abdul Aziz memberi taklimat mengenai pembangunan Kampung Baru kepada pewaris harta tanah Kampung Masjid di Kuala Lumpur baru-baru ini.. -
UTUSAN/NOORADZRENE MOHD. NOOR